

DALAM KES T-162-2010 DI TRIBUNAL KOPERASI MALAYSIA

DI GEORGETOWN, DALAM NEGERI PULAU PINANG

ANTARA

Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad

Pemohon

DAN

Haji Rahim bin Osman

Responden

ALASAN AWARD

Latar belakang

Rujukan pertikaian ini telah dibawa oleh Pemohon terhadap Responden kerana Responden, semasa menjadi Pengerusi Pemohon, telah pada 16 Mac 2007 menjualkan 7.5 juta unit saham Sunway City Berhad (saham Sunway) kepunyaan Pemohon secara blok tanpa terlebih dahulu memperolehi kelulusan daripada Jawatankuasa Kerja (EXCO) dan Lembaga Pemohon, dengan harga RM2.80 seunit saham dan premium atau kelebihan sebanyak 0.20 sen seunit. Responden telah gagal mendapatkan harga yang paling tinggi untuk Pemohon kerana Pemohon dapat menunjukkan semasa kes dibicarakan bahawa harga jualan terendah seunit saham Sunway pada hari tersebut adalah RM2.93 seperti mana ditunjukkan di ms 196 P1.

Pemohon menyatakan bahawa ia telah mengalami kerugian akibat daripada tindakan Responden yang dinyatakan di bawah ini. Maka hujahan Pemohon adalah ia berhak menuntut pampasan atau gantirugi bagi kerugian yang dialaminya. Relif yang dipohon oleh Pemohon di dalam Borang A, di antara lain, adalah seperti berikut:

- (i) Satu deklarasi bahawa Responden telah bertindak secara melanggar UUK Pemohon, khususnya tetapi tidak terhad kepada UUK 43(3), dalam mengarahkan penjualan 7.5 unit saham Sunway City Berhad secara blok pada 16.3.2007;
- (ii) Satu perintah bahawa Responden hendaklah membayar gantirugi kepada Pemohon untuk kerugian yang diakibatkan oleh tindakan salah Responden tersebut, yang jumlah gantiruginya hendaklah ditaksirkan dan ditetapkan oleh Tribunal ini dalam pendengaran pertikaian ini.

Bantahan Awal Pertama

Sebelum kes ini bermula, Responden telah membangkitkan isu berkenaan bidang kuasa Tribunal Koperasi ini. Bantahan pertama Responden adalah bahawa Tribunal Koperasi ini tidak mempunyai kuasa memberikan relif dalam

bentuk deklarasi yang dipohon oleh Pemohon kerana pemberian sesuatu deklarasi adalah di dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Dalam mengutarakan bantahan awalnya, Responden telah merujuk kepada alasan dan keputusan Tribunal Koperasi ini dalam **kes T-318-2009** di antara **Mohammed Zulkhifli bin Ismail dan seorang lagi V Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad**. Dalam kes tersebut, Tribunal Koperasi yang dipengerusikan oleh Puan Mahiran binti Md. Isa dan didengar bersama-sama dengan Tuan Basuini bin Ali dan Tuan Haji Yusof bin Othman telah memutuskan bahawa Tribunal Koperasi tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes tersebut kerana perintah deklarasi yang dipohon oleh Pemohon dalam kes tersebut adalah kuasa yang hanya diperuntukan kepada Mahkamah Tinggi. Maka, walau pun Responden sedar bahawa Tribunal ini tidak terikat dengan keputusan Tribunal terdahulu, Responden masih bergantung kepada keputusan tersebut untuk menyatakan bahawa Tribunal ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk membenarkan permohonan untuk suatu perintah deklarasi.

Responden juga bergantung kepada seksyen 83(6C) Akta Koperasi 1993 untuk menyatakan bahawa oleh kerana award yang dibuat oleh Tribunal Koperasi akan dikuatkuasakan di Mahkamah Sesyen, maka bidang kuasa Tribunal Koperasi adalah sama seperti bidang kuasa Mahkamah Sesyen. Dalam kes T-

318-2009, kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa Tribunal tersebut mempunyai bidang kuasa yang sama dengan Mahkamah Sesyen.

Hujahan Pemohon adalah bahawa keputusan di dalam kes No T-318-2009 adalah betul kerana kes itu melibatkan pihak ketiga. Mengikut seksyen 82(1) Akta Koperasi 1993, hanya pihak-pihak yang disenaraikan dalam seksyen tersebut mempunyai hak untuk memulakan kes di Tribunal Koperasi ini dan ada satu pihak ketiga dalam kes tersebut yang bukannya suatu pihak yang disenaraikan di dalam seksyen 82(1)(a) hingga (c) Akta Koperasi 1993. Selain daripada itu, Tribunal terdahulu juga berpandangan bahawa oleh sebab terdapatnya pihak ketiga yang terlibat dalam prosiding tersebut, demi keadilan, pihak ketiga itu harus diberikan peluang untuk membela dan mempertahankan haknya di Mahkamah Tinggi sebelum sebarang keputusan dibuat berkenaan haknya.

Pemohon juga telah merujuk kepada kes **Professor Dr.A.Kahar Bador & Ors V. N. Krishnan & Ors (No.2) [1983] 1 MLJ 412** di mana relif yang dipohon dalam kes tersebut adalah untuk suatu deklaras. **YA Hakim Hashim Yeop A. Sani** (pada masa itu) telah memutuskan bahawa:

“Section 49 of the Cooperative Societies Ordinance 1948 provides for the settlement of disputes. Since the disputes were substantially on the management of the affairs of the Society, the disputes fall squarely in my opinion under section 49(1)(a) of the Ordinance.” [Seksyen 49 Ordinan Koperasi 1948 adalah *pari materia* dengan seksyen 82 Akta Koperasi 1993].

The disputes described in section 49(1) of the Ordinance is any dispute “touching the business” of the Society. I interpret the words “the business of the Society widely to include generally the running of the affairs of the society. In my view the idea behind section 49 of the Ordinance is obviously to enable the Registrar-General to settle disputes relating to the internal affairs of the Society first before such disputes are allowed to come to the courts.

Where the intention of the legislation is clear for a preference for a domestic remedy first then this privilege should be allowed and the court should be slow to interfere in the first instance.”

Dalam kes **Sungai Lidong Cooperative Land Development Society Ltd v Lim Jok Teck & Anor [2009] 9 CLJ 264, di 275, Mahkamah Tinggi** telah membuat keputusan seperti berikut:

“... the fact that the plaintiff is seeking declaratory relief does not mean that the plaintiff can circumvent the requirement of referring the dispute to the Commission under section 82 [of the Co-operative Societies Act 1993].

Seterusnya di ms 276 kes yang sama, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa:

“... it is important not to equate a declaration or an order for specific performance or injunction with the Award of the Tribunal. The Award of the Tribunal is a creature of the Act and is independent from the Specific Relief Act 1950 or the Courts of Judicature Act 1964. The Tribunal does not require any empowerment from these latter statutes to decide on the affairs of its own people.”

Bantahan Awal Kedua

Bantahan kedua Responden adalah bahawa bidang kuasa Tribunal Koperasi ini adalah sama seperti bidang kuasa Mahkamah Sesyen mengikut S83(6A) Akta Koperasi 1993 dan oleh itu Tribunal Koperasi ini tidak boleh mendengar tuntutan ini kerana jumlah yang dituntut jauh melebihi jumlah tuntutan dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen. Hujahan Pemohon adalah had jumlah wang sesuatu pertikaian tidak disebutkan di dalam Akta Koperasi 1993. Peraturan 33(1) Peraturan Koperasi juga tidak menyentuh atau memperuntukkan suatu had berkenaan jumlah wang yang boleh dituntut atau yang kena dibayar oleh anggota atau anggota lembaga koperasi kepada koperasi. Oleh ini, kedua-dua bantahan awal Responden patut ditolak oleh Tribunal Koperasi ini.

Keputusan Tribunal Koperasi

Setelah menimbangkan segala hujahan kedua-dua pihak dan menelitikan undang-undang serta kes-kes yang telah dikemukakan, Tribunal Koperasi ini telah membuat keputusan sebulat suara bahawa kesemua pihak dalam kes ini memang termasuk di dalam lingkungan seksyen 82(1)(c) Akta Koperasi 1993 dan Tribunal Koperasi ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan yang dibawa oleh salah satu pihak terhadap pihak yang satu lagi.

Keputusan Mahkamah Tinggi dalam kedua-dua kes yang tersebut di atas memang mengikat Tribunal Koperasi ini dan perlu diikuti oleh Tribunal Koperasi ini. Maka, berdasarkan kepada keputusan kes-kes tersebut, terutamanya petikan-petikan yang tertera di atas, Tribunal Koperasi ini telah membuat keputusan dengan sebulat suara bahawa Tribunal Koperasi ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan menyelesaikan pertikaian ini walaupun relif yang dipohon adalah berbentuk deklarasi.

Tribunal Koperasi ini ditubuhkan melalui statut dan mengikut Seksyen 82(1) dan Seksyen 82 (2) Akta Koperasi 1993, adalah jelas apakah bidang kuasa yang telah diberikan mengikut Akta tersebut. Tidak perlu bagi Tribunal Koperasi ini merujuk kepada Courts of Judicature Act atau Subordinate Courts Act untuk memastikan apakah bidang kuasa Tribunal Koperasi ini. Seksyen 83 (6A) Akta Koperasi 1993 tidak menetapkan had kewangan dalam bidang kuasa Tribunal Koperasi ini tetapi hanya memperuntukkan bahawa award Tribunal Koperasi yang telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen boleh dikuatkuasakan sebagai penghakiman Mahkamah Sesyen. Oleh ini, hujahan Responden berkenaan had jumlah wang yang mengikat Mahkamah Sesyen tidak terpakai terhadap Tribunal Koperasi ini.

Maka, Tribunal Koperasi ini telah dengan sebulat suara pada 23 Ogos 2010 menolak kedua-dua bantahan awal Responden dan pendengaran pertikaian ini telah diteruskan.

Penggantungan Kepada Keterangan Saksi-Saksi Dalam Kes T-317-2009

Semasa pendengaran kes ini, Peguam Pemohon telah membuat permohonan supaya semua keterangan saksi-saksi sepertimana yang telah diberikan semasa pendengaran kes T-317-2009 diterima pakai sebagai keterangan dalam kes ini seperti terkandung dalam ms 4 hingga 155, P2. Permohonan Peguam Pemohon telah dibenarkan oleh Tribunal ini dengan syarat bahawa pihak Responden perlu diberi peluang untuk menyoal balas kesemua saksi jika dikehendakinya. Peguam Responden telah memohon kehadiran SR3, iaitu Encik Mansor bin Musa, Pengerusi Pemohon pada masa ini, dan SR5, iaitu Encik Azman Wong bin Abdullah, Remisier Pemohon yang bekerja di Inter-Pacific Securities Sdn. Bhd.

Dalam para 2 Pernyataan Jawapan Responden yang difailkan dengan Borang B, “Responden mengatakan beban untuk menasihatkan berkaitan dengan penjualan saham Sunway terletak pada remisier yang dilantik oleh Pemohon sekiranya harga saham tersebut adalah rendah di mana remisier diberi kuasa oleh Pemohon untuk menjual saham tersebut mengikut budibicaranya.” Oleh kerana pembelaan Responden adalah bahawa kegagalan menjualkan saham Sunway dengan harga yang lebih tinggi adalah terletak pada remisier iaitu SR5 dalam kes T-317-2009, maka Tribunal Koperasi ini telah memberi peluang kepada Responden untuk membuktikan pembelaan tersebut. Akan tetapi, Pemohon telah tidak meneruskan dengan pengataannya dalam menyoal balas SR5 ataupun membangkitkan perkara ini dalam hujahannya.

Di sebaliknya, Responden telah pada 15.12.2010 memanggil hanya seorang saksi iaitu SR3 yang merupakan seorang Pengarah Urusan Perniagaan Jual Beli Dan Urusniaga Saham (Dealing and Trading) di dalam sebuah syarikat yang tiada kaitan dengan kes ini dan SR3 juga tidak mempunyai sebarang pengetahuan peribadi berkenaan fakta dalam kes ini. SR3 merupakan seorang bebas yang mempunyai pengetahuan mengenai urusan perniagaan jual beli dan urusniaga saham di dalam pasaran saham secara amnya. Beliau juga merupakan satu-satunya saksi yang dipanggil oleh Responden dalam kes ini. Responden sendiri telah tidak memberi sebarang keterangan dalam kes ini.

Dalam kes ini, Pemohon telah mengemukakan keterangan daripada SP1 iaitu Puan Kamsiah bt Mohamad. SP1 juga telah memberi keterangan di dalam kes T-317-2009 sebagai SR4 dan adalah Pengawal Kewangan bagi Pemohon. Saksi kedua Pemohon adalah SP2 iaitu Pengerusi Pemohon dan adalah SR3 di dalam kes T-317-2009. Semasa memberikan keterangan, SP2 dalam kes ini telah merujuk kepada Kenyataan Saksinya yang ditanda sebagai P4, dan menyatakan seperti berikut:

“Memandangkan fakta latar belakang tuntutan T-317-2009 dan pertikaian ini adalah sama, saya memohon merujuk kepada keterangan saya di dalam Pertikaian Rujukan No T-317-2009 seperti dalam

kenyataan saya di ms 93-103, P2 dan seperti dalam Nota Keterangan bicara Pertikaian Rujukan No T-317-2009 di ms 58-78, P2 dan menerima pakai keterangan saya itu di sini.”

Keterangan SP2 dalam P4 tidak dapat dibatalkan oleh Peguam Pemohon semasa Pemeriksaan Balas. Setelah menelitikan keterangan kesemua saksi secara menyeluruh, Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa Responden telah menjualkan saham kepunyaan Pemohon dengan harga yang tidak berpatutan dan tidak membawa keuntungan maksimum kepada Pemohon. Oleh ini, dengan sekali pandang, boleh dikatakan bahawa Responden telah gagal menjalankan tugasnya sebagai seorang pegawai koperasi sepertimana yang diperlukan oleh seksyen 45(1) Akta Koperasi 1993 seperti berikut:

Liabiliti anggota Lembaga

45(1) Dalam perjalanan hal ehwal sesuatu koperasi berdaftar, anggota-anggota Lembaga koperasi berdaftar itu hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta ini, peraturan-peraturan undang-

undang kecil koperasi berdaftar itu atau arahan mesyuarat agungnya.”

Akan tetapi, S45(2) Akta yang sama memberikan suatu jalan keluar kepada anggota-anggota Lembaga koperasi berdaftar itu jika mereka telah bertindak dalam cara yang disebutkan dalam subseksyen tersebut seperti berikut:

“(2) Walau apa pun subseksyen (1), tiada tindakan, guaman, pendakwaan, atau prosiding lain boleh dibawa atau dimulakan terhadap diri mana-mana anggota Lembaga atau pegawai suatu koperasi berdaftar berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat *bona fide* menurut atau semasa melaksanakan atau dengan tujuan untuk melaksanakan Akta ini, peraturan-peraturan atau undang-undang kecil koperasi berdaftar itu.”

Maka, dengan adanya peruntukan seperti di atas, adalah tugas dan tanggung jawab Tribunal Koperasi ini membuat penemuan sama ada Responden telah

menjual saham Sunway tersebut secara “*bona fide* menurut atau semasa melaksanakan atau dengan tujuan untuk melaksanakan Akta ini, peraturan-peraturan atau undang-undang kecil koperasi berdaftar itu.”

Berdasarkan kepada keterangan yang telah dikemukakan dalam kes ini dan juga dalam kes T-317-2009 yang telah diterima pakai dalam kes ini, Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa tindakan Responden telah membawa kerugian kepada Pemohon. Tindakan atau kegagalan Responden adalah menjual saham Sunway dengan cara berikut

- a. dengan tidak mendapatkan harga yang paling tinggi untuk Pemohon pada masa jualan saham pada hari tersebut;
- b. menjalankan urusan jualan saham Sunway di dalam sebuah bas tanpa akses kepada maklumat yang penting berkaitan dengan harga saham Sunway;
- c. tanpa perundingan dengan semua ahli EXCO;
- d. tanpa kelulusan Lembaga Pemohon;

- e. tanpa bertanya kepada remisier yang tidak dikenalnya yang telah menelefonnya berkenaan harga pasaran saham Sunway pada hari itu secara amnya dan secara khususnya pada masa yang dia bersetuju menjualkan saham Sunway tersebut;
- f. tanpa menelefon dan bertanyakan tentang harga pasaran saham Sunway daripada remisier Pemohon sendiri pada masa Responden menetapkan harga jualan saham Sunway tersebut;
- g. memberi maklumat palsu kepada Lembaga Pemohon dalam Mesyuarat Lembaga yang diadakan pada 28.4.2007 bahawa pada 16.3.2007, harga pasaran saham Sunway adalah RM2.80 seunit dan semasa jualan itu dibuat, terdapat lebih RM0.20 sesaham kerana harga pasaran pada masa itu ialah RM2.80 seunit;
- h. dengan bergantung kepada harga pasaran saham Sunway bukan pada 16.3.2007 tetapi kepada harga pasaran 'hari-hari sebelum dalam lingkungan RM2.80'; dan
- i. tidak memberikan lebih RM0.20 sen kepada Pemohon sehingga hari ini.

Semua tindakan dan omisyen yang tersebut di atas bermaksud bahawa Responden juga tidak memaksimumkan keuntungan yang dapat diperolehi oleh Pemohon daripada penjualan saham Sunway iaitu harta kepunyaan Pemohon. Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa Responden tidak menjalankan kewajipannya sebagai seorang anggota Lembaga dengan “*bona fide* menurut atau semasa melaksanakan atau dengan tujuan untuk melaksanakan Akta ini, peraturan-peraturan atau undang-undang kecil koperasi berdaftar itu” sepertimana yang diperuntukkan di dalam s45(2) sebagai suatu pengecualian terhadap sebarang dakwaan kecuaiian yang ditujukan terhadapnya. Oleh ini, bukan sahaja didapati secara sekali pandang bahawa Responden telah melanggar seksyen 45(1) Akta Koperasi 1993 kerana Responden telah gagal menjalankan tugasnya sebagai seorang pegawai koperasi sepertimana yang diperlukan tetapi setelah membuat ketelitian sama ada boleh dibenarkan pengecualian di seksyen s45(2) dalam kes ini, Tribunal Koperasi ini tetap mendapati bahawa pengecualian tersebut tidak terpakai dalam kes ini. Tiada sebarang keterangan dikemukakan oleh Responden untuk membatalkan fakta-fakta yang dikemukakan oleh Pemohon dan keterangan SR3 juga tidak memihak kepada Responden. Tiada sekalipun ditunjukkan bahawa tindakan Responden adalah *bona fide*.

Tindakan Pemohon juga telah melanggar Undang-Undang Kecil (UUK) 43(3) yang memperuntukkan seperti berikut:

“Lembaga berkuasa melantik satu Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada Pengerusi dan tidak kurang daripada empat orang anggota Lembaga. Jawatankuasa Kerja hendaklah mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang difikirkan mustahak untuk menyenggarakan hal ehwal Koperasi dan menyampaikan semua keputusan untuk disahkan oleh Lembaga dalam mesyuarat Lembaga akan datang.”

Menurut Pemohon, Lembaga Pemohon telah tidak pernah memberikan apa-apa kebenaran kepada Responden untuk membuat rundingan dengan mana-mana pihak berkenaan jualan saham Sunway tersebut secara blok. Manakala Responden menyatakan bahawa penjualan saham Sunway telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah Responden pada 17.9.2005 dan selanjutnya pada 3.12.2006. Isu ini telah dibicarakan dalam kes **T-317-2009 di antara Haji Rahim bin Osman dan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad** dan keputusan Tribunal Koperasi ini telah diberikan pada 23 Ogos 2010 di mana di antara lain, telah diputuskan bahawa Responden dalam kes ini telah membuat jualan saham Sunway tanpa kelulusan EXCO kerana mesyuarat EXCO tidak pernah diadakan dan 2 orang ahli EXCO tidak pernah dihubungi berkaitan dengan keputusan menjualkan saham Sunway oleh Responden. Tribunal Koperasi ini juga telah memutuskan bahawa tindakan Responden telah memudaratkan kepentingan Pemohon dan membawa kerugian kepadanya. Panel Koperasi ini juga bersetuju dengan keputusan Panel Koperasi yang terdahulu.

Mengikut Pemohon, sebagai Pengerusi Pemohon pada masa tersebut, tindakan Responden pada masa itu telah melanggar tugas fidusiarinya dan membawa kepada pecah amanah oleh Responden terhadap Pemohon. Sehingga hari ini, Responden telah gagal memberitahu Pemohon atau sesiapaupun berkenaan identiti pihak yang telah membeli saham Sunway tersebut daripadanya. Responden masih kekal dengan pendiriannya dan tidak mahu memberitahu Tribunal Koperasi ini juga semasa pendengaran kes T-317-2009 siapakah remisier yang Responden kata telah menghubunginya semasa dia berada di dalam bas Nice untuk membeli saham Sunway daripadanya. Maka adalah jelas bahawa tindakan Responden adalah tidak transparan kerana mesti ada sesuatu sebab kenapa identiti pembeli dan identiti remisier mesti dirahsiakan oleh Responden. Maka, suatu 'adverse inference' boleh dibuat terhadap Responden dalam keadaan ini.

Maka, dalam keadaan sedemikian, adalah jelas bahawa Peraturan 18, Peraturan Koperasi 1995 terpakai. Peraturan 18 adalah seperti berikut:

“18. Seseorang anggota lembaga atau pekerja sesuatu koperasi berdaftar hendaklah menanggung rugi koperasi bagi apa-apa kerugian yang ditanggung

oleh koperasi akibat daripada suatu transaksi yang dilakukan olehnya tanpa kebenaran Lembaga.”

Pemohon telah bergantung kepada kes **Doraisamy Ramasamy & Anor v Krishnan a/l Periasamy & 2 Ors [2001] 1 LNS 150** di mana Mahkamah Tinggi telah di ms 155 memutuskan bahawa:

“In the context of section 45(1) of the Act any loss sustained through any act which is contrary to the bye-laws will attract liability of the members of the Board”.

Penaksiran Gantirugi Pemohon

Pemohon telah mengemukakan ms 1 dan 2, P2 yang disediakan oleh SP1. P2 merupakan ringkasan jualan saham Sunway selepas tarikh penjualan blok oleh Pemohon pada 16.3.2007. Ianya adalah berdasarkan kepada penyata akaun bulanan dari Inter Pacific Securities Sdn. Bhd, iaitu remisier yang dilantik oleh Pemohon untuk menjualkan saham kepunyaan Pemohon. Ringkasan jualan saham Sunway ini merupakan transaksi dari segi kuantiti dan harga saham seunit yang dijual selepas tarikh penjualan blok. Tuntutan Pemohon adalah untuk RM10,425,000.00 iaitu kerugian yang dialami oleh Pemohon

berdasarkan kepada harga purata seunit saham seperti mana dikira di dalam P3 oleh SP2.

Tuntutan alternatif Pemohon adalah berdasarkan kepada harga jualan yang terendah pada 16.03.2007 adalah RM2.93. Jika dibandingkan dengan harga jualan yang dibuat oleh Responden sebanyak RM2.80 maka terdapat kerugian RM0.13 bagi setiap satu saham. Jumlah besar bagi 7.5 juta saham Sunway adalah RM975,000.00. Oleh ini jika perlunya Pemohon membuat tuntutan alternatif, Pemohon menuntut jumlah sebanyak RM2,475,000.00 iaitu RM1.5 juta untuk premium campur dengan RM975,000.00. Akan tetapi Pemohon tetap dengan permohonan memohon gantirugi sebanyak RM10,425,000.00.

Menurut Pemohon, tuntutan nya adalah berdasarkan kepada fakta ternyata berkenaan dengan harga pasaran saham Sunway manakala hujahan Responden adalah Pemohon tidak mengalami sebarang kerugian kerana jika dibandingkan harga jualan dan harga perolehan saham Sunway oleh Pemohon. Pada pendapat Tribunal Koperasi ini, hujahan Responden tidak dapat diterima kerana pendirian sedemikian tidak mengambil kira harga pasaran semasa penjualan. Penjualan harta kepunyaan sesebuah koperasi oleh anggota Lembaga nya, dalam kes ini Pengerus nya, hendaklah dijalankan dengan telus dan penuh akauntabiliti. Jika tidak, pemecahan tanggung jawab tersebut boleh membawa kepada suatu kegagalan menjalankan tugas nya sebagai seorang pegawai koperasi sepertimana yang diperlukan di bawah seksyen s45 Akta Koperasi 1993.

Setelah menimbangkan fakta dalam kes ini, adalah didapati oleh Tribunal Koperasi ini bahawa jualan saham Sunway oleh Responden telah dibuat secara 'off-market' supaya tidak menjejaskan harga pasaran di bursa saham. Jika Pemohon menjualkan saham sebanyak 7.5 juta unit saham melalui remisier di dalam pasaran saham secara berperingkat, kemungkinan besar dengan jumlah sebanyak itu, harga pasaran saham Sunway tidak akan terus naik secara mendadak ke harga yang begitu tinggi. Oleh ini, Tribunal Koperasi ini telah menelitikan keterangan Responden sendiri berkenaan masa di mana dia telah membuat persetujuan menjualkan saham tersebut kepada remisier yang tidak dikenalnya, walaupun tanpa kelulusan Lembaga Pemohon dan mendapati bahawa harga pasaran seunit saham Sunway berdasarkan kepada ms 196 P1 adalah RM2.990 selepas pukul 2.00 petang dan RM3.00 di antara pukul 4-5 petang, iaitu harga yang telah melebihi harga jualan terendah pada hari itu. Masa penjualan saham Sunway adalah sebelum pukul 5.00 petang pada 16 Mac 2007 dan fakta ini diperolehi daripada keterangan SP1 iaitu Responden sendiri, semasa memberi keterangan dalam kes T-317-2009. Semua harga pasaran ini adalah lebih tinggi daripada harga terendah sebanyak RM2.93. Oleh ini, Tribunal Koperasi ini telah tidak menggunakan RM2.93 untuk pengiraan tuntutan ganti rugi Pemohon.

Menurut keterangan SP2, iaitu Bendahari Pemohon, semasa memberi keterangan dalam kes T-317-2009, dia telah meminta Responden menyemak harga pasaran saham Sunway pada masa itu sebelum dia memberi

persetujuannya. Mengikutnya, harga pasaran mesti mencecah RM3.00 sebelum saham itu boleh dijual. Mengikut surat Pemohon kepada remisiernya bertarikh 4.12.2006 yang dikemukakan di ms 186 P1, penjualan saham Sunway pada Peringkat Ketiga hendaklah berada pada tahap RM3.00 ke atas sebelum penjualan boleh dilakukan oleh remisier. Responden sendiri juga ada bergantung kepada surat ini untuk membela dirinya walaupun surat itu bukan untuk tujuan penjualan secara blok dan bukan ditujukan kepadanya.

Berdasarkan kepada keterangan SP2 dan surat ini serta harga tutup di ms 196 P1, maka Tribunal Koperasi ini membuat penetapan bahawa SP2 telah memberi persetujuannya kerana mendapat gambaran, *albeit* suatu gambaran yang silap, bahawa saham itu boleh dijual bila mencecah RM3.00 dan Responden telah memberitahunya bahawa saham itu telah mencecah RM3.00. Berdasarkan kepada representasi Responden sendiri bahawa harga jualan seunit saham Sunway adalah RM3.00 pada masa penjualan tersebut, dan harga tutup saham Sunway pada hari tersebut juga adalah RM3.00, maka Tribunal Koperasi ini membuat keputusan bahawa Responden hendaklah membayar kepada Pemohon jumlah perbezaan di antara harga pasaran yang direpresentasikan oleh Pemohon dan harga sebenar yang diterima oleh Pemohon sebanyak RM2.80. Jumlah perbezaan itu adalah RM3.00 tolak RM2.80 iaitu RM1.5 juta.

Mengikut keterangan Responden sendiri lagi, terdapat premium sebanyak RM0.20 bagi setiap saham. Maka jumlah yang patut diterima oleh Pemohon bagi premium ini adalah RM1.5 juta. Pemohon juga telah merepresentasikan bahawa harga pasaran adalah RM2.80 dan kelebihan adalah RM0.20. Oleh ini, macam manapun Responden ingin berhujah, terdapat kekurangan RM1.5 juta yang masih belum dibayar kepada Pemohon dan Tribunal Koperasi in dengan sebulat suaranya membenarkan relif dan remedi yang sebanyak RM1.5 juta kepada Pemohon dengan kos terhadap Responden.

Bertarikh pada 5 Mei 2011.

TAN GHEE PHAIK,

PENGERUSI TRIBUNAL KOPERASI.

PUAN ROSIDAH BINTI RAMLI

AHLI PANEL SKM

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN MOHAMED NASIB

AHLI PANEL KOPERASI